



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



CABARAN DAN STRATEGI PENGUASAAN BAHASA ARAB
DALAM PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM: KAJIAN
DI UniSHAMS

CHALLENGES AND STRATEGIES FOR MASTERING THE ARABIC LANGUAGE
IN THE ISLAMIC STUDIES DIPLOMA PROGRAM: A STUDY AT UniSHAMS

Khadijah Kamaruddin¹, Marina Abu Bakar^{2*}, Nurul Izzatie Aziz³

- ¹ Kuliyah Usuluddin, Sains Al-Quran dan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Malaysia
Email: khadija@unishams.edu.my
 - ² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia.
Email: marinaab@uitm.edu.my
 - ³ Kuliyah Usuluddin, Sains Al-Quran dan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Malaysia
Email: izzatieaziz@unishams.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.01.2025

Revised date: 06.02.2025

Accepted date: 19.03.2025

Published date: 28.03.2025

To cite this document:

Kamaruddin, K., Abu Bakar, M., & Aziz, N. I. (2025). Cabaran Dan Strategi Penguasaan Bahasa Arab Dalam Program Diploma Pengajian Islam: Kajian Di UniSHAMS. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 10 (57), 801-823.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057052

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi pendidikan, penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti, khususnya pelajar bidang pengajian Islam, merupakan satu keperluan yang sangat penting. Namun begitu, ramai pelajar masih menghadapi kesukaran dalam bertutur, memahami teks serta mengaplikasikan Bahasa Arab dalam konteks akademik dan komunikasi harian. Meskipun bahasa Arab turut diajar di peringkat universiti, tahap penguasaan pelajar masih berada pada tahap yang sederhana. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran penguasaan Bahasa Arab serta menganalisis strategi yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam, UniSHAMS. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes di UniSHAMS. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dengan pelajar Diploma Pengajian Islam, dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian menemui cabaran asas dalam penguasaan Bahasa Arab termasuk masalah tatabahasa dan kosa kata, kelemahan dalam kaedah pengajaran tradisional serta kekurangan latihan pertuturan. Manakala, strategi yang berkesan merangkumi penggunaan pendekatan pengajaran interaktif, integrasi teknologi digital dalam pembelajaran dan sokongan melalui subjek pengajian Islam yang melibatkan latihan membaca teks tafsir, hadis dan fiqh. Sebagai implikasi, kajian ini menekankan keperluan pihak universiti dan

pensyarah menerapkan kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan interaktif bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Arab, serta mengintegrasikan latihan praktikal untuk memperkukuhkan kemahiran komunikasi pelajar. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi asas untuk merangka dasar serta strategi pengajaran yang lebih berkesan dalam mempertingkatkan penguasaan Bahasa Arab di peringkat universiti Islam seperti UniSHAMS.

Kata Kunci:

Cabaran Pembelajaran, Diploma Pengajian Islam, Penguasaan Bahasa Arab, Strategi Pengajaran, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Abstract:

In the era of globalization and advancements in educational technology, proficiency in the Arabic language among university students, particularly those in Islamic studies, is of paramount importance. However, many students continue to struggle with speaking, comprehending texts, and applying Arabic in academic and daily communication contexts. Despite being taught at the university level, students' proficiency remains moderate. Consequently, this study was conducted to identify the challenges in mastering Arabic and analyze effective strategies to enhance Arabic proficiency among Diploma in Islamic Studies students at UniSHAMS. This study employs a qualitative approach through a case study at UniSHAMS. Data were collected via semi-structured interviews with Diploma in Islamic Studies students and analyzed using thematic analysis. The findings reveal key challenges in Arabic language acquisition, including difficulties with grammar and vocabulary, ineffective traditional teaching methods, and a lack of speaking practice. Meanwhile, effective strategies include interactive teaching approaches, the integration of digital technology in learning, and support through Islamic studies subjects that incorporate reading exercises from tafsir, hadith, and fiqh texts. As an implication, this study highlights the need for universities and lecturers to adopt more innovative and interactive teaching methods to enhance Arabic proficiency, as well as integrate practical training to strengthen students' communication skills. The findings are expected to serve as a foundation for developing more effective teaching policies and strategies to improve Arabic language proficiency at Islamic universities such as UniSHAMS.

Keywords:

Learning Challenges, Diploma in Islamic Studies, Teaching Strategies, Arabic Language Proficiency, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Pengenalan

Bidang pengajian Islam di Malaysia telah berkembang dengan pesat dan sistematik sejak kemerdekaan sehingga ke hari ini. Perkembangan bidang ini semakin menyerlah melalui penubuhan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), termasuk UniSHAMS yang menawarkan pelbagai program dalam bidang Pengajian Islam bermula dari peringkat asas hingga ke pengajian kedoktoran. Oleh itu, ia telah membuka peluang kepada mana-mana warganegara dan bukan warganegara yang

berkelayakan untuk melanjutkan pengajian serta berusaha mendalami ilmu Islam, di samping memperkukuhkan jati diri graduan Muslim ke arah mencapai agenda masyarakat dan negara (Nawi, 2021).

Malah, Bahasa Arab turut memiliki kedudukan yang penting dalam konteks pengajian Islam di Malaysia, terutamanya untuk tujuan pemahaman agama (Nasir et al., 2013; Ag. Damit et al., 2016). Namun demikian, penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti masih berada pada tahap sederhana, dengan kemampuan menguasai sekitar 1500-2000 kata (Abdul Razak et al., 2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab adalah motivasi, sikap pelajar dan pengajaran guru (Sjahrony et al., 2017; Taat & Ariffin, 2020). Beberapa kajian menunjukkan pentingnya usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, termasuklah penggunaan kaedah yang sesuai dan penekanan pada kosa kata (Azizan et al., 2019; Othman & Ismail, 2012). Penguasaan Bahasa Arab juga dianggap penting dalam pendidikan Islam untuk pengembangan ilmu (Satrio, 2018).

Kebanyakan pelajar mengiktiraf kepentingan Bahasa Arab dalam bidang pengajian Islam (Mat & Abas, 2016). Namun, pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Kajian lepas menunjukkan bahawa sikap positif pelajar terhadap Bahasa Arab tidak semestinya diterjemahkan kepada prestasi yang memuaskan (Muhamad et al., 2013). Saiz kosa kata adalah penting untuk penguasaan bahasa, di mana kajian lepas juga mencadangkan agar penguasaan minimum kosa kata yang kerap digunakan oleh pelajar adalah sebanyak 2000 patah perkataan (Zaini, 2015). Selain itu, penggunaan bahan sastera dalam kursus Bahasa Arab juga boleh meningkatkan minat pelajar dan penguasaan bahasa (Samah et al., 2023). Bertitik tolak daripada isu ini, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran penguasaan Bahasa Arab dan seterusnya menganalisis strategi yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS.

Sorotan Literatur

Teori Pembelajaran Bahasa Kedua (Second Language Acquisition (SLA))

Penguasaan Bahasa Kedua (*Second Language Acquisition (SLA)*) merupakan bidang yang kompleks yang mengkaji bagaimana individu mempelajari bahasa selain daripada bahasa pertama individu tersebut. Ia berbeza daripada Pembelajaran Bahasa Kedua yang lebih menumpukan kepada penguasaan secara semula jadi berbanding dengan pengajaran formal (Syamsiyah, 2017). Pelbagai teori menerangkan tentang Teori Pembelajaran Bahasa Kedua, termasuk pendekatan *behaviorist*, *innatist*, *interactionist* dan *communicative* (Broad, 2020).

Pendekatan *behaviorist* berasaskan Teori Pembentukan Tabiat (*Habit Formation*) yang diperkenalkan oleh Skinner (1975). Teori ini menyatakan bahawa bahasa dipelajari melalui proses peniruan, pengulangan dan pengukuhan, di mana tindak balas yang betul akan diperkuat melalui ganjaran manakala kesalahan akan diperbetulkan (Skinner, 1957). Dalam konteks pengajaran, kaedah seperti latihan berulang (*drill and practice*) dan pembetulan kesilapan digunakan untuk mengukuhkan kemahiran bahasa pelajar. Seterusnya, pendekatan *innatist* yang dikemukakan oleh Chomsky (1965) berpendapat bahawa manusia dilahirkan dengan kemampuan semula jadi untuk mempelajari bahasa, dikenali sebagai *Language Acquisition Device (LAD)*. Chomsky (1965) menegaskan bahawa manusia memiliki apa yang dikenali sebagai Tatabahasa Sejagat (*Universal Grammar*) yang membolehkan mereka memproses dan memahami struktur bahasa apabila didedahkan kepada input linguistik yang mencukupi.

Dalam pengajaran, adalah penting untuk menyediakan input bahasa yang kaya dan autentik bagi memudahkan pelajar memperoleh bahasa secara semula jadi. Pendekatan ini turut diiktiraf oleh Zananda (2022) yang menyatakan bahawa kemampuan bahasa yang bersifat fitrah memainkan peranan penting dalam Teori Pembelajaran Bahasa Kedua.

Selain itu, pendekatan *interactionist* menekankan bahawa interaksi sosial adalah faktor penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Vygotsky (1978) melalui Teori Sosiokultural dan Long (1996) melalui Teori Interaksi Hipotesis menyatakan bahawa interaksi dengan individu yang lebih berpengetahuan dalam *Zone of Proximal Development (ZPD)* dapat membantu pelajar mempelajari bahasa secara berkesan (Vygotsky, 1978; Long, 1996). Aktiviti seperti perbincangan kumpulan, dialog dan aktiviti interaktif dalam kelas sangat digalakkan bagi meningkatkan kemahiran bahasa. Sementara itu, pendekatan *communicative* yang berkembang melalui *Communicative Language Teaching (CLT)* memfokuskan kepada kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam situasi sebenar (Hymes, 1972). Proses pembelajaran bahasa menekankan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar seperti melalui aktiviti simulasi, peranan bermain (*role-play*) dan projek kumpulan bagi membolehkan pelajar menggunakan bahasa secara aktif dan bermakna. Kesemua pendekatan ini saling melengkapi dalam memberikan kefahaman menyeluruh mengenai pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, strategi pengajaran yang berkesan adalah dengan menggabungkan elemen daripada setiap pendekatan bagi memenuhi keperluan dan konteks pembelajaran yang berbeza.

Di samping itu, umur juga merupakan faktor signifikan, di mana Teori Pembelajaran Bahasa Kedua boleh berlaku dari zaman kanak-kanak hingga ke dewasa dalam pelbagai persekitaran (Hutasuhut, 2017; Gass, 2020). Bidang ini juga telah berkembang daripada psikologi linguistik kepada aspek sosiopragmatik (Hutasuhut, 2017). Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi Teori Pembelajaran Bahasa Kedua adalah motivasi, umur, kaedah pengajaran dan pengaruh bahasa pertama (Shafa, 2012). Manakala, kajian-kajian lepas berkaitan Teori Pembelajaran Bahasa Kedua adalah bersifat multidisiplin, melibatkan bidang linguistik, psikologi dan pendidikan (Gass, 2020). Justeru, kefahaman teori ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan dalam konteks formal dan tidak formal (Gass, 2020; Long, 2006).

Tahap dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti

Kajian mengenai tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia membuktikan bahawa terdapat beberapa cabaran utama dalam kalangan pelajar untuk menguasai bahasa tersebut. Pelajar didapati menghadapi kesukaran dalam penguasaan kosa kata, di mana mereka biasanya hanya mengetahui sekitar 1500-2000 patah perkataan berbanding jumlah yang disarankan iaitu 3000-5000 patah perkataan untuk komunikasi yang berkesan (Abdul Razak et al., 2020). Selain itu, kolokasi turut menjadi cabaran apabila pelajar tidak dapat menggabungkan perkataan dengan tepat dalam konteks yang sesuai (Ismail & Hazman, 2021; Asbulah, 2021). Kemahiran komunikasi dalam Bahasa Arab juga didapati rendah dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Mohamad, 2009). Beberapa faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan Bahasa Arab termasuklah sikap pelajar, kaedah pengajaran dan tahap motivasi (Kassim et al., 2017; Sjahrony et al., 2017). Walau bagaimanapun, pelajar bukan Muslim menunjukkan persepsi positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab (Nasir et al., 2017). Bagi pelajar Tahfiz wal Qiraat, pengintegrasian ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran Bahasa Arab sangat disarankan untuk meningkatkan kefahaman dan pembelajaran (Azizan et al., 2019).

Malah, tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti turut menjadi isu hangat yang diperdebatkan oleh para sarjana, pendidik dan pakar bahasa. Trend kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu, terutamanya dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini dari 2018 hingga 2024, jelas menunjukkan bahawa pelajar di Malaysia sememangnya menghadapi kesukaran dalam menguasai bahasa Arab. Abdul Razak & Samah (2018) telah mengkaji masalah dan strategi pengajaran yang melibatkan saiz kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Kajian ini berbentuk analisis teks, dan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar universiti menghadapi cabaran serius dalam menguasai kosa kata penting untuk pembelajaran. Dapatan ini turut selari seperti yang ditemui oleh Abdul Ghani et al. (2019a) dalam kajian yang dijalankan untuk meneliti pembinaan ayat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik yang dijalankan terhadap sampel yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembinaan ayat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah tinggi dari segi morfologi dan sintaksis, manakala aspek leksikal berada pada tahap sederhana. Abdul Ghani et al. (2019a) juga mencadangkan bahawa pengajaran Bahasa Arab perlu seiring dengan aspek teori dan praktikal. Selain itu, penguasaan kosa kata juga perlu dipertingkatkan kerana saiz kosa kata yang luas boleh meningkatkan tahap pembinaan ayat Bahasa Arab.

Sementara itu, Abdul Ghani et al. (2019b) dalam satu lagi kajiannya cuba mengenal pasti tahap penerimaan kursus pembelajaran gabungan (*blended learning*) dalam pengajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berdasarkan *Technology Acceptance Model (TAM)*. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran gabungan memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran pelajar kerana mereka mendapat manfaat yang besar daripadanya dan menginginkan pendekatan ini dilaksanakan sepanjang semester. Alias (2019) pula mengenalpasti tahap pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) selepas menggunakan aplikasi Plickers. Kaedah persampelan kumpulan rawak digunakan untuk memilih responden kajian, dan soal selidik diedarkan kepada beberapa kumpulan responden yang mempunyai dan tidak mempunyai asas dalam Bahasa Arab. Dapatan kajian membuktikan bahawa tahap pencapaian pelajar meningkat selepas menggunakan aplikasi Plickers. Sementara itu, gabungan hasil kedua-dua kumpulan menunjukkan bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab mempunyai tahap pencapaian yang lebih rendah berbanding mereka yang mempunyai asas. Alias (2019) turut mencadangkan pendekatan gamifikasi dalam pedagogi, khususnya penggunaan aplikasi Plickers oleh pensyarah untuk membantu pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Arab.

Selain itu, beberapa pengkaji terdahulu seperti Mohd et al. (2019), Yusmaliana & Widodo (2019) dan Asbulah et al. (2019) turut menjalankan kajian berkaitan cabaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari pelbagai perspektif. Mohd et al. (2019) berusaha mengetengahkan idea pengajaran Bahasa Arab kepada pelajar universiti di Malaysia dengan menggunakan teknologi pendidikan berasaskan prinsip Pendidikan 4.0. Melalui kajian ini, Mohd et al. (2019) mengkritik beberapa kaedah pengajaran Bahasa Arab tradisional seperti kaedah “*chalk and talk*”, pengulangan bahasa yang berlebihan dan kaedah hafalan yang membebankan. Walau bagaimanapun, generasi ‘Z’ dan ‘Alpha’ dianggap sebagai “*digital natives*” sejati yang lebih gemar belajar melalui medium teknologi. Kajian tinjauan juga telah dilakukan untuk menilai pelbagai aspek seperti perasaan, persepsi dan pandangan responden terhadap pengajaran bahasa Arab yang menggunakan aplikasi dan

alat teknologi pendidikan semasa. Hasil kajian Mohd et al. (2019) menunjukkan bahawa pelajar universiti secara umumnya menyokong pensyarah Bahasa Arab dalam menggunakan aplikasi dan alat teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, kaedah pengajaran tradisional masih dianggap relevan kerana masih diminati oleh sebilangan pelajar universiti. Selain itu, pelajar turut berpendapat bahawa tahap penggunaan teknologi oleh pensyarah bahasa Arab adalah lebih rendah berbanding dengan pensyarah bagi bahasa asing yang lain.

Yusmaliana & Widodo (2019) dalam kajiannya memberi tumpuan kepada usaha membina semula kurikulum pendidikan Islam dalam menghadapi era gangguan (*disruption era*) dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Menurutnya, kurikulum pendidikan Islam perlu disesuaikan mengikut perubahan zaman. Selain itu, turut dicadangkan agar kurikulum pendidikan Islam diintegrasikan dengan alat pembelajaran berasaskan teknologi digital kerana pendekatan ini sangat membantu dalam membentuk watak dan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar. Manakala, kajian oleh Asbulah et al. (2019) pula lebih memfokuskan strategi pembelajaran kolokasi bahasa Arab bagi pelajar. Kajian ini melibatkan 8 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan pelajar pada peringkat pertengahan. Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuklah penerapan substrategi dalam proses pembelajaran seperti proses pengenalanpastian, penguasaan teknik (pemahaman, pengulangan, penyorotan, penggunaan kamus, sosial dan gambaran), serta aplikasi dalam konteks pembelajaran.

Begitu juga, kajian-kajian yang dijalankan oleh para pengkaji terdahulu seperti Abdul Razak et al. (2020), Zaini et al. (2020), Nawi (2021), Zaini et al. (2021), Radzi et al. (2021), Asbulah (2021), Ritonga et al. (2021) dan Amr et al. (2021). Kesemua kajian ini telah menyoroti pelbagai kesukaran dalam penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar bidang pengajian Islam. Kesukaran-kesukaran ini termasuklah ketidakmampuan pelajar untuk menguasai kosa kata bahasa Arab yang luas (Abdul Razak et al., 2020), keperluan tempoh pembelajaran bahasa Arab yang lebih panjang (Zaini et al., 2020), perbezaan latar belakang pendidikan yang mempengaruhi pembelajaran (Zaini et al., 2020), hala tuju transformasi bidang pengajian Islam yang mencabar (Nawi, 2021), kebimbangan atau keresahan terhadap subjek Bahasa Arab (Radzi et al., 2021), tahap pengetahuan tentang kolokasi bahasa Arab yang rendah dan kurang memuaskan (Asbulah, 2021), keperluan mengemas kini objektif pembelajaran untuk mencapai tahap penguasaan Bahasa Arab yang lebih baik (Ritonga et al., 2021), serta kesukaran pelajar dalam kemahiran membaca dan menulis, selain kekurangan kemahiran kreatif, logik, dan induktif dalam kalangan pensyarah (Amr et al., 2021).

Selain itu, dapatan kajian oleh Amr et al. (2021) turut menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran di pihak pensyarah UniSHAMS dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Antara cabarannya ialah pensyarah yang kurang mahir dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar secara mudah disebabkan penggunaan tahap bahasa yang melebihi tahap kefahaman pelajar. Pensyarah juga cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisional seperti talaqqi dan bacaan semata-mata kerana kurangnya penekanan terhadap kemahiran memahami bacaan. Selain itu, pensyarah juga sering memilih buku rujukan yang sukar difahami oleh pelajar.

Kajian Amr et al. (2021) turut menemui beberapa cabaran di peringkat universiti, antaranya kekurangan kursus Bahasa Arab atau latihan kemahiran asas, khususnya dalam aspek mendengar, bertutur, dan menulis. Tambahan pula, tiada usaha untuk mewujudkan suasana

akademik di luar waktu pembelajaran yang seterusnya menyukarkan pelajar menguasai kemahiran bertutur. Terdapat juga kekurangan waktu rehat yang ditetapkan oleh pihak universiti antara waktu pengajaran, menyebabkan pensyarah terpaksa tergesa-gesa untuk menyiapkan silibus sepanjang semester. Namun begitu, penting untuk diperhatikan bahawa kajian ini terhad kepada satu subjek dalam bidang pengajian Islam yang ditawarkan di UniSHAMS dan hanya melibatkan sampel pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja.

Kajian-kajian terdahulu turut dijalankan oleh Ruslan et al. (2022), Fadzil et al. (2022), Abdullah et al. (2022a), Ismail et al. (2022), Abdullah et al. (2022b), Adam & Wan Ahmad (2022), Abd. Rahman et al. (2022), Sudi (2022), Hamzah et al. (2022) dan Azizan (2022). Kajian-kajian ini mengenal pasti beberapa cabaran ddalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab serta faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar di peringkat universiti. Sebagai contoh, Ruslan et al. (2022) menemui isu seperti kekurangan kosa kata, motivasi dan keyakinan diri dalam kalangan pelajar. Ismail et al. (2022) pula menekankan cabaran berkaitan persepsi pelajar dan persekitaran pembelajaran, kelemahan dalam objektif kemahiran penulisan, silibus, kaedah pengajaran dan penilaian dalam subjek kemahiran penulisan Bahasa Arab. Abdullah et al. (2022a) membincangkan kekurangan elemen bahasa Arab dalam program universiti, manakala Adam & Wan Ahmad (2022) meneroka kelemahan pelajar dalam menggunakan kata nama dan kata kerja yang sesuai secara spontan, yang seterusnya menyebabkan penurunan motivasi untuk berkomunikasi.

Selain itu, pandemik COVID-19 turut mengubah landskap pendidikan di peringkat universiti dengan membawa cabaran baharu kepada pelajar dan pensyarah. Abd. Rahman et al. (2022) dan Azizan (2022) mengenal pasti cabaran-cabaran ini dalam kajian masing-masing. Abd. Rahman et al. (2022) menggariskan lima halangan dalam proses pembelajaran dan pengajaran akibat pandemik, termasuk kesediaan pelajar dan pensyarah, stigma terhadap pengajaran dalam talian, kesediaan infrastruktur, impak negatif teknologi dan kepentingan *talaqqi* yang berterusan. Azizan (2022) pula merumuskan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar di UniSHAMS dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu pembelajaran dalam talian memandangkan pendekatan tersebut masih baru dan belum berkembang sepenuhnya di UniSHAMS.

Sementara itu, pengkaji seperti Fadzil et al. (2022), Hamzah et al. (2022), Abdullah et al. (2022b) dan Sudi (2022) turut mencadangkan beberapa penyelesaian untuk menangani isu dalam penguasaan Bahasa Arab. Menurut Fadzil et al. (2022), pengaruh rakan sebaya, minat yang dipupuk sejak awal dan strategi pembelajaran dan pengajaran yang selari dengan tahap kognitif pelajar boleh membantu membina dan meningkatkan sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Hamzah et al. (2022) mencadangkan pendekatan pembelajaran gabungan berasaskan *problem-based learning* untuk membangunkan model pembelajaran yang berkesan bagi mengoptimumkan pencapaian objektif pembelajaran dalam pengajian Islam. Sementara itu, Abdullah et al. (2022b) menekankan kepentingan mengkaji keperluan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, kerana pendekatan ini dapat membantu pensyarah merangka kurikulum atau modul Bahasa Arab yang lebih mudah difahami, sekali gus membolehkan pelajar mengamalkan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian. Sudi (2022) pula mencadangkan agar pensyarah dilengkapi dengan kemahiran yang mencukupi dan universiti di Malaysia perlu lebih bersedia untuk menghadapi perkembangan pesat Revolusi Industri Keempat dalam bidang pengajian Islam.

Bahasa Arab sememangnya penting untuk menguasai pelbagai bidang ilmu. Pelajar perlu meningkatkan kemahiran pemahaman Bahasa Arab mereka. Namun begitu, kaedah pengajaran tradisional sering menjadi penghalang, terutamanya bagi pelajar pengajian Islam, yang seterusnya menjejaskan motivasi mereka untuk berinteraksi dengan teks-teks Arab. Strategi bacaan yang berkesan boleh membantu, namun tahap penerapannya masih rendah. Kajian oleh Ali et al. (2023) memperkenalkan beberapa kemahiran membaca teks Arab. Kajian ini melibatkan pemerhatian bilik darjah dan penilaian pelajar. Dapatan kajian bertujuan untuk menyokong pendekatan pengajaran baharu bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Arab, selari dengan matlamat pendidikan Malaysia untuk pengajian Islam dan pendidikan Bahasa Arab.

Teknologi *Augmented Reality (AR)* kini digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor, termasuk bidang pendidikan. Walaupun penggunaannya meluas dalam pengajaran bahasa seperti Melayu, Inggeris, Cina, dan lain-lain di negara Barat, penggunaannya dalam pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, khususnya di universiti awam seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), masih kurang diterokai. Kajian oleh Sahrim et al. (2023) meneliti persepsi pelajar terhadap kegunaan teknologi *Augmented Reality (AR)* dalam pembelajaran Bahasa Arab di USIM. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memberikan maklum balas yang positif dan menyatakan kesediaan untuk menggunakan teknologi *Augmented Reality (AR)* dalam pembelajaran bahasa. Secara keseluruhan, teknologi ini menawarkan alat yang berharga untuk meningkatkan pemahaman kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Kajian oleh Rushdi & Asbulah (2023) pula meneliti penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab, dengan memfokuskan kepada aktiviti mereka di dalam dan di luar bilik darjah. Kajian ini turut bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar. Data kuantitatif dikumpulkan daripada 30 pelajar tahun akhir pengajian Islam melalui soal selidik, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual bersama lima graduan Bahasa Arab. Analisis data dijalankan menggunakan IBM SPSS untuk soal selidik dan Atlas.ti untuk temu bual. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan yang rendah, terutamanya dalam aspek produktif seperti kemahiran bertutur, dengan faktor dalaman dan persekitaran dikenalpasti sebagai kekangan utama. Kajian ini menekankan keperluan intervensi untuk menangani cabaran-cabaran ini dan meningkatkan penglibatan dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Manakala, kajian oleh Ismail et al. (2023) bertujuan untuk menyelidik perspektif pensyarah Bahasa Arab di universiti awam Malaysia terhadap pengajaran kemahiran penulisan esei. Data dikumpulkan daripada 12 peserta dari pelbagai universiti termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk membangunkan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab (M-KMKBA). Melalui analisis kualitatif terhadap data temu bual, tema dan kategori telah dikenal pasti untuk membangunkan modul tersebut. Dapatan kajian menunjukkan kesepakatan dalam kalangan pensyarah mengenai kepentingan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti kaedah komunikatif, langsung, interaktif, eklektik dan terjemahan dalam modul tersebut untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Arab.

Selain itu, dapatan kajian-kajian terkini turut menemui beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Kajian oleh Ismail et al. (2024a) menekankan penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam kelas

dengan mengambil kira perbezaan jantina. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan berbeza, di mana pelajar perempuan cenderung menggunakan strategi kognitif seperti penghafalan dan latihan berulang, manakala pelajar lelaki lebih bergantung pada strategi komunikasi dan penggunaan media digital. Kajian ini memberi gambaran bahawa pendekatan pengajaran Bahasa Arab di universiti perlu mengambil kira faktor jantina bagi memastikan keberkesanan pembelajaran yang lebih menyeluruh.

Di samping itu, kajian oleh Ismail et al. (2024b) menganalisis kesalahan *sifat* dan *mausuf* dalam kalangan pelajar bidang Bahasa Arab di universiti Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi kesukaran dalam memahami hubungan antara *sifat* dan *mausuf*, yang merupakan aspek penting dalam tatabahasa Bahasa Arab. Kesalahan ini sering berlaku kerana pengaruh bahasa ibunda serta pemahaman tatabahasa yang lemah. Kajian ini menyarankan supaya pendekatan pembelajaran lebih interaktif, seperti penggunaan kaedah *drill practice*, simulasi dan teknologi digital, bagi membantu pelajar memperbaiki kefahaman mereka terhadap aspek sintaksis Bahasa Arab. Dalam pada itu, kajian Idris & Mohamed Hassan (2024) mengenai persepsi pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) terhadap konsep *alif lam* dalam Bahasa Arab, menunjukkan bahawa ramai pelajar masih keliru dengan fungsi *alif lam* dalam membentuk makna kata nama dalam Bahasa Arab. Kesukaran ini dikaitkan dengan faktor latar belakang pendidikan serta kaedah pengajaran yang kurang menekankan aspek semantik dalam Bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa pemahaman mendalam terhadap konsep asas Bahasa Arab perlu diberikan penekanan yang lebih besar dalam kurikulum pembelajaran.

Tambahan pula, kajian oleh Ismail & Jahiruddin (2024) yang meneliti tahap kemahiran Bahasa Arab pasca COVID-19 di Universiti Malaya mendapati bahawa pandemik telah memberi kesan ketara terhadap tahap penguasaan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang sebelum ini bergantung kepada pembelajaran secara bersemuka mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran dalam talian, terutamanya dalam aspek komunikasi lisan dan kemahiran penulisan. Oleh itu, pengkaji telah mencadangkan integrasi kaedah *blended learning* untuk memastikan kesinambungan pembelajaran Bahasa Arab dalam pelbagai situasi pembelajaran.

Kajian oleh Muslihah et al. (2024) pula menumpukan kepada penguasaan *i'rab al-Asma'* dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kajian ini mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi penguasaan *i'rab al-Asma'* termasuklah latar belakang pendidikan, motivasi pelajar serta pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pendedahan awal kepada Bahasa Arab lebih cenderung menguasai *i'rab* dengan lebih baik berbanding mereka yang tidak mempunyai asas yang kukuh. Justeru itu, pengkaji menyarankan agar kaedah pengajaran lebih menekankan latihan amali dan aplikasi dalam pembelajaran tatabahasa.

Akhir sekali, kajian oleh A Rahman et al. (2024) telah meneliti pengaruh bahasa ibunda dalam penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT). Dapatan kajian menunjukkan bahawa interferensi bahasa ibunda memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi struktur ayat dan pemilihan kosa kata pelajar ketika bertutur atau menulis dalam Bahasa Arab. Kajian ini mencadangkan penggunaan kaedah kontrastif antara bahasa ibunda dan Bahasa Arab sebagai

satu pendekatan untuk mengurangkan kesalahan yang berpunca daripada pengaruh bahasa pertama pelajar. Jadual 1 mewakili ringkasan sorotan literatur kajian.

Jadual 1: Ringkasan Sorotan Literatur Kajian

No	Pengkaji	Metodologi	Dapatan
1	Abdul Razak et al. (2020)	Analisis teks	Pelajar menghadapi cabaran serius dalam menguasai kosa kata.
2	Abdul Ghani et al. (2019a)	Soal Selidik, Tinjauan	Pembinaan ayat dari segi morfologi dan sintaksis adalah tinggi.
3	Abdul Ghani et al. (2019b)	Soal Selidik	<i>Blended learning</i> memberi kesan positif terhadap pembelajaran.
4	Alias (2019)	Soal Selidik	Aplikasi Plickers meningkatkan pencapaian pelajar.
5	Mohd et al. (2019)	Tinjauan	Teknologi Pendidikan 4.0 menyokong pengajaran Bahasa Arab.
6	Yusmaliana & Widodo (2019)	Kajian Kualitatif	Kurikulum pendidikan Islam perlu disesuaikan mengikut zaman.
7	Asbulah et al. (2019)	Soal Selidik, Tinjauan	Pengajaran kolokasi perlu diterapkan dengan substrategi.
8	Sahrim et al. (2023)	Soal Selidik	Teknologi <i>Augmented Reality</i> (AR) diterima baik untuk pembelajaran Bahasa Arab.
9	Rushdi & Asbulah (2023)	Temu Bual	Pembangunan modul untuk mengukuhkan kemahiran penulisan.
10	Muslihah et al. (2024)	Temu Bual	Latihan amali diperlukan dalam penguasaan <i>i'rab al-Asma'</i> .
11	A Rahman et al. (2024)	Kajian Kualitatif	Bahasa ibunda mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab.
12	Syamsiyah (2017)	Analisis Kandungan	Perbezaan pembelajaran bahasa kedua secara semula jadi vs. pengajaran formal.
13	Broad (2020)	Kajian Konsep	Teori Pembelajaran Bahasa Kedua merangkumi <i>behaviorist</i> , <i>innatist</i> , <i>interactionist</i> dan <i>communicative</i> .
14	Skinner (1957)	Kajian Konsep	Pembelajaran melalui peniruan, pengulangan, dan pengukuhan (<i>drill and practice</i>).

15	Chomsky (1965)	Kajian Konsep	Tatabahasa Sejagat (<i>Universal Grammar</i>) dan <i>Language Acquisition Device (LAD)</i> .
16	Zananda (2022)	Kajian Literatur	Kemampuan bahasa yang bersifat fitrah berperanan dalam pembelajaran bahasa kedua.
17	Vygotsky (1978)	Analisis Teori	Interaksi sosial penting dalam pembelajaran bahasa dalam ZPD (<i>Zone of Proximal Development</i>).
18	Long (1996)	Analisis Teori	Interaksi dengan individu lebih berpengetahuan mempercepat pembelajaran bahasa.
19	Hymes (1972)	Analisis Konsep	Penekanan kepada komunikasi berkesan dalam situasi sebenar.
20	Hutasuhut (2017)	Analisis Konsep	Pembelajaran bahasa kedua dari psikologi linguistik ke aspek sosiopragmatik.
21	Gass (2020)	Kajian Kuantitatif	Pengaruh motivasi, umur, kaedah pengajaran dan pengaruh bahasa pertama.
22	Shafa (2012)	Kajian Kuantitatif	Faktor mempengaruhi pembelajaran bahasa termasuk motivasi dan pengaruh bahasa pertama.
23	Long (2006)	Analisis Teori	Kajian pelbagai disiplin dalam pembelajaran bahasa kedua.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian kes (*case study*) sebagai reka bentuk utama untuk mengumpul dan menganalisis data. Kajian kes dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneliti secara mendalam cabaran dan strategi penguasaan Bahasa Arab dalam konteks yang khusus, iaitu dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) (Yin, 2018).

Lokasi dan Sampel Kajian

Pemilihan UniSHAMS sebagai lokasi kajian dibuat berdasarkan beberapa justifikasi utama yang menjadikannya tempat yang sesuai untuk meneliti cabaran dan strategi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. UniSHAMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam menawarkan Diploma Pengajian Islam, yang menekankan penggunaan Bahasa Arab dalam pembelajaran. Pelajar di universiti ini perlu menguasai Bahasa Arab untuk memahami

subjek teras seperti tafsir, hadis, fiqh dan usuluddin (UniSHAMS, 2025). Oleh itu, pemilihan UniSHAMS sebagai lokasi kajian dapat memberikan gambaran yang lebih realistik mengenai cabaran sebenar yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan Bahasa Arab dalam komunikasi akademik dan pemahaman teks Islam.

Selain itu, kepelbagaian latar belakang pelajar di UniSHAMS turut menjadi faktor pemilihan yang penting. Majoriti pelajar di universiti ini terdiri daripada mereka yang telah mempunyai asas Bahasa Arab sejak di sekolah agama serta golongan minoriti yang baru mula mempelajari Bahasa Arab di peringkat universiti. Kepelbagaian ini membolehkan pengkaji mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab berdasarkan perbezaan latar belakang pendidikan (Merriam & Tisdell, 2016). Kajian ini juga berkait rapat dengan kajian terdahulu, di mana kajian sebelumnya telah menunjukkan bahawa pelajar pengajian Islam sering menghadapi cabaran dalam penguasaan kosa kata, sintaksis, dan kemahiran bertutur Bahasa Arab (Abdul Razak et al., 2020; Ismail et al., 2024). Dengan menjadikan UniSHAMS sebagai lokasi kajian, kajian ini bukan sahaja dapat mengukuhkan dapatan kajian terdahulu tetapi juga membantu dalam merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti Islam.

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), di mana informan dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam mempelajari Bahasa Arab dalam konteks akademik (Creswell & Poth, 2018). Sampel terdiri daripada pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS, dengan kriteria pemilihan seperti berikut:

1. Pelajar yang sedang mengikuti kursus Bahasa Arab dalam program Diploma Pengajian Islam.
2. Pelajar dengan tahap penguasaan Bahasa Arab yang berbeza (pemula hingga mahir).
3. Pelajar yang pernah menghadapi cabaran dalam memahami teks Arab atau berkomunikasi dalam Bahasa Arab.

Jadual 1 merupakan senarai informan kajian:

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

No	Informan	Semester & Program Pengajian
1	Informan 1	Semester 3, Diploma Pengajian Islam, UniSHAMS.
2	Informan 2	Semester 2, Diploma Pengajian Islam, UniSHAMS.
3	Informan 3	Semester 4, Diploma Pengajian Islam UniSHAMS.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur, yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mendalam mengenai pengalaman, cabaran dan strategi pembelajaran pelajar (Braun & Clarke, 2019). Soalan temu bual merangkumi aspek seperti kesukaran yang dihadapi dalam penguasaan Bahasa Arab, strategi yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah.

Untuk memastikan kesahihan data, kaedah triangulasi digunakan melalui temu bual dengan pelbagai informan untuk mendapatkan kepelbagaian perspektif (Patton, 2015), pemerhatian bahan pembelajaran untuk memahami kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah (Yin,

2018) dan *member checking* untuk memeriksa dapatan dengan informan bagi memastikan ketepatan penginterpretasian data (Lincoln & Guba, 1985).

Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang membolehkan pengkaji mengenal pasti tema utama dalam cabaran dan strategi pembelajaran Bahasa Arab (Braun & Clarke, 2006). Proses analisis data melibatkan pengekodan data untuk mengenal pasti corak dalam data yang dikumpulkan, pembentukan tema untuk mengelompokkan isu yang berulang dalam pembelajaran Bahasa Arab serta pengesahan silang bagi memastikan dapatan kajian adalah selari dengan kajian terdahulu dan literatur yang relevan (Silverman, 2013).

Kesahihan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian ini, beberapa langkah telah diambil untuk memastikan dapatan kajian adalah tepat, boleh dipercayai dan boleh diguna pakai dalam konteks yang lebih luas. Salah satu langkah utama ialah pengekodan data oleh lebih daripada seorang pengkaji bagi mengelakkan sebarang bias dalam analisis dan meningkatkan objektiviti dalam proses interpretasi data (Creswell & Creswell, 2017). Selain itu, kajian ini turut menerapkan *audit trail*, iaitu pendokumentasian setiap langkah kajian, termasuk kaedah pengumpulan data, proses analisis dan justifikasi metodologi yang digunakan. Pendekatan ini memastikan ketelusan dalam kajian serta membolehkan pengkaji lain menilai kajian ini sekiranya perlu (Miles et al., 2014).

Seterusnya, pemeriksaan *inter-rater reliability* dilakukan bagi memastikan tema yang dikenal pasti dalam analisis tematik adalah konsisten dan boleh diterima pakai dalam kajian serupa. Proses ini melibatkan perbandingan hasil analisis daripada lebih daripada seorang pengkaji untuk memastikan keseragaman dalam pengekodan data dan pengelompokan tema (Silverman, 2013). Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, kajian ini dapat menjamin tahap kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi, seterusnya memberikan dapatan yang berkualiti dalam memahami cabaran dan strategi penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti.

Analisis dan Perbincangan

Dapatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam penguasaan Bahasa Arab serta strategi yang digunakan oleh pelajar dan pensyarah untuk meningkatkan kefahaman mereka. Berikut merupakan cabaran dan strategi penguasaan Bahasa Arab yang telah dikenal pasti:

Cabaran Penguasaan Bahasa Arab

Cabaran Asas: Kesukaran Memahami Tatabahasa, Kosa Kata dan Sebutan

Pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami tatabahasa, menguasai kosa kata yang mencukupi, serta memperbaiki sebutan Bahasa Arab. Salah seorang informan menyatakan:

“Saya mengalami kesukaran dalam memahami struktur ayat, terutama dalam aspek i‘rab dan bentuk kata kerja. Kadang-kadang, saya boleh memahami makna perkataan, tetapi apabila membentuk ayat, saya rasa sukar.” – (Informan 3)

Kajian oleh Abdul Razak et al. (2020) menyokong dapatan ini, yang menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata yang rendah dan kelemahan dalam memahami struktur tatabahasa

merupakan faktor utama yang menghalang komunikasi efektif dalam Bahasa Arab. Menurut Muslihah et al. (2024), pelajar yang tidak mempunyai pendedahan awal kepada struktur tatabahasa Arab seperti *i'rab* menghadapi kesukaran dalam memahami teks Arab secara mendalam.

Cabaran Kaedah Pengajaran: Kurangnya Pendekatan Interaktif dan Teknologi

Pelajar menekankan bahawa kaedah pengajaran memainkan peranan besar dalam tahap kefahaman mereka. Sebilangan besar pelajar merasakan bahawa kaedah tradisional, seperti pengajaran berasaskan kuliah dan hafalan semata-mata, kurang membantu dalam pemahaman mereka.

“Pensyarah banyak menggunakan kaedah hafalan dan terjemahan, tetapi... saya rasa lebih mudah belajar jika ada aktiviti perbincangan atau latihan komunikasi.” - (Informan 2)

Kajian oleh Mohd et al. (2019) mengkritik penggunaan kaedah tradisional seperti *“chalk and talk”* dan hafalan tanpa pemahaman mendalam, yang kurang berkesan dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini juga menyatakan bahawa generasi Z dan Alpha lebih cenderung kepada pembelajaran berasaskan teknologi berbanding kaedah konvensional. Selain itu, kajian oleh Ismail et al. (2024) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang kurang interaktif boleh menyebabkan pelajar kurang bermotivasi untuk menguasai Bahasa Arab.

Cabaran Latihan Praktikal: Kurang Latihan Konsisten dalam Pertuturan dan Penulisan

Walaupun pelajar menunjukkan peningkatan dalam kefahaman Bahasa Arab melalui kelas dan latihan membaca serta menulis, cabaran utama yang dihadapi ialah latihan pertuturan yang tidak mencukupi.

“Saya memahami teori bahasa Arab, tetapi apabila perlu bercakap, saya kurang yakin. Saya rasa... saya perlukan lebih banyak latihan bercakap dalam kelas.” – (Informan 1)

Kajian oleh Rahman et al. (2024) menunjukkan bahawa pelajar yang tidak terdedah kepada latihan pertuturan yang konsisten mengalami kesukaran dalam menyusun ayat secara spontan. Malah, kajian oleh Rushdi & Asbulah (2023) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti bertutur Bahasa Arab di dalam dan luar kelas adalah rendah, dan ini menghalang perkembangan kemahiran komunikasi mereka.

Strategi Penguasaan Bahasa Arab

Pendekatan Pengajaran Interaktif: Perbincangan, Latihan Komunikasi dan Penggunaan Media

Pelajar menegaskan bahawa mereka lebih mudah memahami Bahasa Arab apabila kaedah pengajaran bersifat interaktif dan melibatkan aktiviti komunikasi.

“Saya rasa lebih yakin apabila pensyarah menggalakkan perbincangan dalam kelas dan membiarkan kami bercakap dalam Bahasa Arab tanpa rasa takut membuat kesilapan.” – (Informan 2)

Kajian oleh Sahrim et al. (2023) menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam latihan interaktif lebih cepat menguasai kemahiran Bahasa Arab berbanding mereka yang hanya

menerima pembelajaran secara pasif. Malahan, Azizan (2022) menekankan bahawa latihan komunikasi secara langsung dapat meningkatkan kefasihan bertutur dan meningkatkan keyakinan pelajar.

Pengaplikasian Teori Secara Konsisten: Latihan Membaca, Menulis dan Bertutur

Pelajar yang mengamalkan Bahasa Arab secara berterusan dalam aktiviti akademik mendapati bahawa penguasaan mereka meningkat secara signifikan.

“Saya cuba membaca teks Arab setiap hari, walaupun sedikit. Ia membantu saya memahami struktur ayat dengan lebih baik.” – (Informan 3)

Kajian oleh Ismail et al. (2024) menyatakan bahawa latihan membaca dan menulis secara konsisten boleh membantu pelajar meningkatkan keupayaan memahami teks Arab secara lebih efektif. Dapatan ini turut disokong oleh Zaini et al. (2021) yang menekankan bahawa strategi pengulangan dan latihan secara berterusan dapat membantu pelajar mengatasi kesukaran dalam tatabahasa dan kosa kata Bahasa Arab.

Penerapan Teknologi dalam Pengajaran: Penggunaan Aplikasi Pembelajaran dan Platform Digital

Pelajar menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Arab banyak membantu mereka memahami dan mengingat pelajaran.

“Saya lebih mudah belajar melalui aplikasi seperti Duolingo dan Google Translate kerana ia memberikan contoh ayat.... yang saya boleh faham dengan lebih cepat.” - (Informan 2)

Kajian oleh Azizan (2022) menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan platform digital dan aplikasi pembelajaran seperti Kahoot, Duolingo dan Google Classroom lebih cenderung memahami konsep bahasa dengan lebih berkesan berbanding mereka yang hanya menggunakan kaedah konvensional. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian oleh Adam & Wan Ahmad (2022) yang mendapati bahawa pelajar lebih berminat untuk belajar apabila pengajaran disampaikan melalui teknologi interaktif, sekaligus meningkatkan motivasi dan keseronokan dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Sokongan Subjek Pengajian Islam: Latihan Membaca Teks Tafsir, Hadis dan Fiqh


Pendedahan kepada teks Islam dalam subjek pengajian Islam membantu pelajar meningkatkan pemahaman terhadap struktur ayat Bahasa Arab.

“Dalam kelas tafsir dan hadis, saya belajar banyak perkataan baru... dan bagaimana ayat disusun dalam teks Arab. Ini membantu saya memahami tatabahasa dengan lebih baik.” - (Informan 1)

Dapatan ini adalah selaras dengan kajian oleh Muslihah et al. (2024) yang menyatakan bahawa pelajar yang sering membaca teks Arab dalam konteks akademik menunjukkan peningkatan yang lebih baik dalam pemahaman sintaksis dan kosa kata.

Tuntasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam penguasaan Bahasa Arab adalah kesukaran memahami tatabahasa dan kosa kata, kelemahan dalam kaedah pengajaran serta kekurangan latihan bertutur dan menulis. Walau bagaimanapun, strategi yang berkesan seperti pendekatan pengajaran interaktif, penggunaan teknologi dan integrasi latihan

dengan subjek pengajian Islam dapat membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.



Rajah 1: Hasil Analisis dan Perbincangan Cabaran dan Strategi Penguasaan Bahasa Arab

Sumber: Pengkaji

Rajah 1 mewakili perbandingan antara cabaran utama dan strategi yang dikenal pasti dalam penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS. Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kesukaran dalam menguasai tatabahasa dan kosa kata dengan nilai tertinggi (5), diikuti dengan kelemahan dalam kaedah pengajaran yang kurang interaktif (4), dan kekurangan latihan bertutur serta penulisan yang konsisten (3). Kesukaran dalam memahami tatabahasa yang kompleks serta menguasai kosa kata yang mencukupi menghalang pelajar daripada mengaplikasikan Bahasa Arab dengan baik dalam pembelajaran mereka. Selain itu, penggunaan kaedah pengajaran tradisional yang kurang interaktif, seperti hafalan dan pengajaran berasaskan kuliah, turut menyebabkan motivasi pelajar menurun. Kurangnya latihan bertutur dan menulis juga mengakibatkan pelajar sukar untuk menyusun ayat secara spontan dan menghasilkan penulisan yang baik.

Dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran ini, beberapa strategi telah dikenal pasti sebagai pendekatan yang berkesan. Antaranya adalah penggunaan kaedah pengajaran yang lebih interaktif seperti perbincangan, simulasi, dan latihan komunikasi yang menunjukkan nilai tertinggi (4) dalam strategi. Pendekatan interaktif ini membantu meningkatkan kefahaman pelajar dengan lebih baik melalui aktiviti komunikasi yang melibatkan penggunaan Bahasa Arab dalam situasi sebenar. Selain itu, pengulangan dan latihan berterusan seperti membaca dan menulis teks Arab setiap hari juga membantu pelajar menguasai bahasa dengan lebih baik. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran, seperti aplikasi pembelajaran bahasa dan platform digital, juga terbukti berkesan dalam membantu pelajar memahami konsep bahasa dengan lebih mudah dan menarik. Malahan, integrasi sokongan subjek pengajian Islam melalui pendedahan

kepada teks-teks tafsir, hadis dan fiqh turut membantu pelajar memahami tatabahasa dan kosa kata dalam konteks yang lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, hasil analisis ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam penguasaan Bahasa Arab melibatkan kelemahan dalam tatabahasa dan kosa kata, kaedah pengajaran yang tidak interaktif, serta kurangnya latihan bertutur dan menulis. Namun begitu, strategi yang berkesan seperti pendekatan pengajaran interaktif, penggunaan teknologi dalam pembelajaran, dan penggabungan latihan praktikal melalui subjek pengajian Islam dapat membantu mengatasi cabaran-cabaran tersebut dan seterusnya meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, hasil kajian ini juga membuktikan bahawa kaedah pengajaran dan strategi pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Implikasi terhadap kaedah pengajaran adalah jelas, di mana pendekatan tradisional yang terlalu berfokus kepada hafalan dan tatabahasa tanpa latihan praktikal menyebabkan pelajar mengalami kesukaran dalam bertutur dan memahami teks Arab secara kontekstual. Seperti yang dinyatakan dalam kajian oleh Mohd et al. (2019), kaedah yang kurang interaktif boleh mengurangkan motivasi pelajar dalam menguasai Bahasa Arab. Oleh itu, pensyarah perlu menerapkan kaedah pengajaran yang lebih interaktif seperti perbincangan kelas, simulasi komunikasi dan latihan berbentuk kolaboratif bagi memastikan pembelajaran lebih berkesan dan menarik. Kajian oleh Ismail et al. (2024) turut menegaskan bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan mudah diakses oleh pelajar.

Selain itu, peranan universiti dalam menyokong penguasaan Bahasa Arab adalah sangat penting. Universiti seperti UniSHAMS perlu menyediakan persekitaran akademik yang kondusif bagi membantu pelajar mengaplikasikan Bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Rahman et al. (2024) menunjukkan bahawa institusi yang menyediakan sumber pembelajaran yang mencukupi, peluang latihan bertutur dan aktiviti kokurikulum berkaitan Bahasa Arab mampu membantu pelajar meningkatkan penguasaan mereka dengan lebih baik. Oleh itu, UniSHAMS perlu memperkenalkan program Bahasa Arab yang lebih holistik, seperti kelas komunikasi Arab, bengkel latihan pertuturan dan sesi tafsir interaktif, bagi membolehkan pelajar menggunakan Bahasa Arab secara lebih meluas di luar kelas.

Berdasarkan dapatan kajian juga, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan latihan praktikal. Pertama, UniSHAMS perlu menggalakkan penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Arab, seperti aplikasi pembelajaran bahasa, platform *e-learning* dan teknologi *Augmented Reality (AR)* yang dapat membantu pelajar memahami Bahasa Arab secara visual dan interaktif (Azizan, 2022). Kedua, pensyarah perlu mengamalkan pendekatan berasaskan komunikasi, seperti simulasi situasi harian dan latihan dialog, yang membolehkan pelajar meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur dalam Bahasa Arab. Kajian oleh Rushdi & Asbulah (2023) menunjukkan bahawa pelajar yang lebih kerap terlibat dalam aktiviti komunikasi berstruktur menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dalam kemahiran bertutur. Ketiga, latihan praktikal dalam bentuk latihan membaca teks tafsir, hadis dan fiqh secara berkala juga perlu diperbanyakkan bagi memastikan pelajar lebih terbiasa dengan struktur ayat dalam Bahasa Arab. Dengan menggabungkan pelbagai strategi pengajaran yang lebih dinamik dan berorientasikan amalan, pelajar akan dapat meningkatkan kefasihan dan kemahiran mereka dalam Bahasa Arab secara lebih berkesan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS, termasuk kesukaran memahami tatabahasa, penguasaan kosa kata yang rendah, kekangan dalam latihan pertuturan, serta kaedah pengajaran yang kurang interaktif. Pelajar menghadapi cabaran dalam menerapkan tatabahasa dengan betul, terutama dalam aspek *i'rab* dan pembinaan ayat, manakala latihan pertuturan yang terhad menyukarkan mereka untuk berkomunikasi dengan lancar dalam Bahasa Arab. Selain itu, penggunaan pendekatan pengajaran tradisional yang terlalu berasaskan teori tanpa latihan praktikal yang mencukupi turut menjadi faktor penghalang dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Arab mereka.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa strategi yang berkesan yang boleh diimplementasikan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Pendekatan pengajaran interaktif, termasuk perbincangan kelas, latihan komunikasi dan penggunaan teknologi digital, terbukti membantu meningkatkan kefahaman dan minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Seterusnya, latihan membaca teks tafsir, hadis dan fiqh secara berkala dapat memperkukuhkan pemahaman pelajar terhadap struktur ayat Arab dan penggunaannya dalam konteks akademik. Kajian oleh Ismail et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi seperti aplikasi pembelajaran dan platform digital dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan mudah diakses, terutamanya bagi pelajar yang lebih cenderung kepada pembelajaran sendiri.

Dalam usaha memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, pihak berkepentingan seperti universiti, pensyarah dan pembuat dasar perlu memainkan peranan yang lebih proaktif. Universiti perlu menyediakan persekitaran akademik yang lebih kondusif, termasuk menambah baik sumber pembelajaran, mewujudkan lebih banyak ruang interaksi dalam Bahasa Arab, serta menawarkan bengkel komunikasi Arab yang lebih kerap. Pensyarah pula disarankan untuk mempelbagaikan pendekatan pengajaran, dengan menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap kefahaman pelajar, serta mengintegrasikan elemen teknologi dan pembelajaran berasaskan amali.

Namun demikian, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diambil kira. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS sahaja, yang mungkin tidak mewakili sepenuhnya pengalaman pelajar di universiti lain. Malah, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, yang mungkin tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh trend pembelajaran Bahasa Arab dalam skala yang lebih besar. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk menggunakan pendekatan kuantitatif atau kajian gabungan (*mixed-methods*) bagi memperolehi dapatan yang lebih luas dan menyeluruh. Justeru, kajian lanjutan boleh meneliti keberkesanan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Arab, khususnya penggunaan aplikasi pembelajaran, gamifikasi dan *Augmented Reality (AR)* dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dan komunikasi lisan. Kajian juga boleh meneliti peranan latihan intensif bertutur dalam mempercepatkan penguasaan Bahasa Arab, serta menganalisis kesan pembelajaran Bahasa Arab dalam konteks pelbagai disiplin ilmu yang lain, seperti penggunaannya dalam bidang ekonomi, sains Islam dan pendidikan. Dengan pendekatan yang lebih komprehensif, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dapat terus diperkasa dan disesuaikan dengan keperluan pelajar masa kini.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) atas pembiayaan projek ini di bawah Geran Penyelidikan Universiti (GPU) UniSHAMS Fasa 8 / Sesi Kedua 2023 (RMC/01/GPU/2023).

Rujukan

- Abdullah, R., Asni, F., & Syarbaini, K. M. (2022a). An Analysis of Arabic Language Syllabus Appropriateness Level in the Faculty of Muamalat and Islamic Finance KUIPs. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1), 1-14.
- Abdullah, H. R. H., Ahmad, S. S. H., & Yani, A. (2022b). Analisis Keperluan Mempelajari Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Aliran Inggeris di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. *Journal of Arabic Linguistics and Literature*, 4(1), 86-103.
- Abd. Rahman, K. A., Misra, A. M. K., Senin, N., & Akib, M. M. (2022). Cabaran Pembelajaran Bagi Program Pengajian Islam di Insitusi Pengajian Tinggi (IPT). *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 6(1), 10-21
- Abdul Ghani, M. T., Ramli, S., & Awang Hamat, M. Z. (2019a). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 15(1), 12-22.
- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A., & Jaffar, M. N. (2019b). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84-94.
- Abdul Razak, Z. R., & Samah, R. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(2), 61-70.
- Abdul Razak, Z. R., Samah, R., & Ismail, S. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(1), 71-80.
- Adam, Z., & Wan Ahmad, W. A. (2022). Tinjauan Tahap Kompetensi Bertutur Bahasa Arab Bagi Ujian Kemasukan ke USIM. *E-Proceeding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2022 (SAIS 2022)*, Disember 2022, Penerbit USIM, 214-218.
- Ag. Damit, S., Kassim, N., & Manap, N. A. (2016). Bahasa Arab dalam Ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 24, 67-89.
- Ali, N., Rahman, N. E. A., Awang, N. A., Rahman, A. H. A., & Embong, A. H. (2023). A Preliminary Study of Arabic Text Reading Skills Instruction Based on Effective Reading Strategies. *Journal for Educators, Teachers and Trainers (JETT)*, 14(3), 228-236.
- Alias, H. (2019). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi 'Plickers' dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di Universiti Sultan Azlan Shah. *Al-Qimah Al-Mudhafah*, 5(1), 1-9.
- Amr Mohammed Sayyed Emam Sallam, Reda Owis Hassan Serour & Mohamed Elsayed Mohamed Abdou. (2021). Kesukaran Mempelajari Subjek Akidah Bagi Bukan Penutur Bahasa Arab: Realiti Dan Harapan, Pelajar Pengajian Islam UniSHAMS Sebagai Sampel. *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 4(2), 23-55.

- A Rahman, S. N. H., Lee, H. Y., Mustafa, R. R., & Fakhururazi, S. N. M. (2024). Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Pelajar INSTEDT. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 60-69.
- Asbulah, L. H., Aladdin, A., Lubis, M. A., & Sahrim, M. A. (2019). Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(2), 139-159.
- Asbulah, L. H. (2021). Tahap Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 127-138.
- Azizan, F. Z. (2022). Cabaran Pembelajaran Norma Baharu di UniSHAMS Ketika Pandemik COVID-19. *International Journal of Muamalat (IJM)*, December 2021, 5(1): 14-24.
- Azizan, K. F. B. K., Shaharuddin, H. N. B., Rosnan, F. N. R. B., & Ismail, W. (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *Jurnal e-Bangi*, 16, 1-15.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on Reflexive Thematic Analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589-597.
- Broad, D. (2020). Literature Review of Theories of Second Language Acquisition. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 7(1), 80-86.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. MIT Press.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE Publications.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 154-172.
- Gass, S. M., Behney, J., & Plonsky, L. (2020). *Second Language Acquisition: An Introductory Course*. Routledge.
- Hamzah., Tambak, S., Hamzah, M. L., Purwati, A. A., Irawan, Y., & Umam, M. I. H. (2022). Effectiveness of Blended Learning Model Based on Problem-Based Learning in Islamic Studies Course. *International Journal of Instruction*, 15(2), 775-792.
- Hutasuhut, M. L. (2017). Social Identity in Second Language Acquisition. *Jurnal Bahas Unimed*, 26(2), 79342.
- Hymes, D. (1972). On Communicative Competence. Dlm. J. B. Pride & J. Holmes (Eds.), *Sociolinguistics* (pp. 269–293). Penguin.
- Idris, R., & Mohamed Hassan, N. S. (2024). Persepsi Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) Terhadap Konsep Alif Lam dalam Bahasa Arab. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*, 17-18 Julai 2024, 1-17.
- Ismail, A. D. F., & Jahiruddin, M. K. A. (2024). Analisis Tahap Kemahiran Bahasa Arab Pasca COVID-19: Kajian Kes di Universiti Malaya. *Al-Qalam International Journal of Arabic Studies*, 3, 1-10.
- Ismail, M. R., & Hazman, N. A. (2021). Kemampuan Pelajar Peringkat Menengah dan Pengajian Tinggi dalam Menguasai elemen Kolokasi Bahasa Arab di Malaysia: Satu Kajian Literatur. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 3(2), 43-55.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, M. D. S. (2022). Tahap Kemahiran Menulis Pelajar Diploma Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi di

- Malaysia Berdasarkan Persepsi dan Ujian Pengesanan. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)*-Dalam Talian, 22 & 23 Jun 2022, 889-901.
- Ismail, M. R., Abdul Latif, K. A., & Ghazali, A. R. (2023). Analysis of The Need for Developing a Module on Writing Skills in Arabic Essays from The Perspective of Models and Teaching Methods of The Module. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 75-83.
- Ismail, M., Mohamed, N., & Ali, M. F. (2024a). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam Kelas Berdasarkan Perbezaan Jantina dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnipSAS). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(1), 283-295.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., & Ab Latif, K. A. (2024). Analisis Kesalahan Sifat & Mausuf dalam Kalangan Pelajar Bidang Bahasa Arab di Universiti Malaysia. *International Journal of Arabic, Linguistic and Literature*, 1(1), 134-148.
- Kassim, N., Damit, S. A., & Taat, M. S. (2017). Pengaruh Sikap Pelajar dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan*, 2(1), 125-142.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. SAGE Publications.
- Long, M. H. (1996). The Role of the Linguistic Environment in Second Language Acquisition. Dlm. W. C. Ritchie & T. K. Bhatia (Eds.), *Handbook of Second Language Acquisition* (pp. 413-468). Academic Press.
- Long, M. H. (2006). *Problems in SLA*. Second Language Acquisition Research Series. Lawrence Erlbaum Associates (Bks).
- Mat, H., & Abas, W. U. W. (2016). The Relevance of Arabic Language in Islamic Studies Program: A Case Study Of Open University Malaysia (OUM). Dlm. *5 th Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Science Conference*, Hotel Bangi Putrajaya.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. John Wiley & Sons.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook*. SAGE Publications.
- Mohd, K. N., Adnan, M. A. H., Yusof, A. A., Ahmad, M. K., & Kamal, M. A. (2019). Teaching Arabic Language to Malaysian University Students Using Education Technologies Based on Education 4.0 Principles. Dlm. *Proceedings of the International Invention, Innovative & Creative (INIIC) Conference Series*, 38-51.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Muhamad, I., Ahmad, W. M. A. W., & Mat, A. C. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program J-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- Muslihah, A., Abdullah, I., Isa, Y., & Razak, M. S. A. (2024). Kajian Rintis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan I'rab Al-Asma' dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab di UiTM. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 12-25.
- Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2013, Julai). Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. Dlm. *Malaysia International Conference on Foreign Languages (MICFL 2013) (Vol. 1)*.

- Nasir, M. S., Zainuddin, N., & Sahrir, M. S. (2017). Persepsi Pelajar Bukan Muslim Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 29-37.
- Nawi, M. Z. (2021). Senario Penstrukturan Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 6(1): 57-66.
- Othman, M. S., & Ismail, M. F. (2012). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan di SMAP Kajang. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*, 19, 173-189.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice*. SAGE Publications.
- Radzi, N. A. A., Saat, R., & Idris, N. (2021). Tahap Keresahan Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 6(3), 179- 188.
- Ritonga, M., Widodo, H., & Nurdianto, T. (2021). Arabic Language Learning Reconstruction as A Response to Strengthen Al-Islam Studies at Higher Education. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 10(1), 355-363.
- Rushdi, N. A. A. M., & Asbulah, L. H. (2023). Higher Education Students' Engagement and Factors That Constrain Students' Activeness in Learning Arabic Language. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 1739-1752.
- Ruslan, N. A., Abd Kadir, N., & Hasan, M. R. (2022). Halangan Bertutur Bahasa Arab di Kelas dalam Kalangan Pelajar IPT. *Prosiding Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami 2022 (i-STET 2022)*, 19 Oktober 2022, 147-154.
- Sahrim, M. A., Soad, N. F. A. M., & Asbulah, L. H. (2023). Augmented Reality Technology in Learning Arabic Vocabulary from the Perception of University Students. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 17(21), 79-96.
- Samah, R., Mohd Nathir, K. A., Abdul Majid, M. Y., Muhammad Nawawi, M. A. A., & Ahmad, H. (2023). Kepentingan Bahan Sastera dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002559-e002559.
- Satrio, S. (2018). Urgensi Penguasaan Bahasa Arab dalam Studi Islam di Indonesia. *Perada*, 1(2), 163-177.
- Shafa, S. (2012). Teori Pemerolehan Bahasa dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Dinamika Ilmu*, 12(2), 1-9.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. SAGE Publications.
- Skinner, B. F. (1957). *Verbal Behavior*. Appleton-Century-Crofts Press.
- Sudi, S. (2022). Revolusi Industri 4.0 dalam Pengajian Hadis di IPT Malaysia. *HADIS*, 13(24), 9-17.
- Syamsiyah, D. (2017). Analisis Deskriptif Teori Pemerolehan Bahasa Kedua. *AL-MANAR: Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*, 6(2), 59-80.
- Sjahrony, A., Lubis, M. A., Baharudin, H., & Kamis, M. S. (2017). Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA dari Perspektif Sorotan Kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 102-112.
- Taat, M. S., & Ariffin, A. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.

- UniSHAMS. (2025). Portal Rasmi UniSHAMS. Diakses daripada <https://www.unishams.edu.my/> [1 Mac 2025].
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. SAGE Publications.
- Yusmaliana, D., & Widodo, H. (2019). Reconstruction of Islamic Education Curriculum in The Disruption Era. *International Journal of Islamic Studies and Humanities*, 2(1), 50-58.
- Zaini, A. R. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Kolej Universiti*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Zaini, A. R., Abd. Rahman, R., & Hasan, Y. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135.
- Zaini, A. R., Hasan, Y., & Husaini, M. H. (2021). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Penuntut Tahun Akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 606-614.
- Zananda, T. F. (2022). The Role of Universal Grammar and Age in Second Language Acquisition. *Enrich: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra dan Linguistik*, 3(1), 27-31.